



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
29 Jun 2020**

### **PNB Umum Pelantikan Encik Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan**

**Kuala Lumpur, 29 Jun 2020** – Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad (PNB) sukacita mengumumkan pelantikan Encik Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) PNB, berkuat kuasa 1 Julai 2020.

Sebelum ini, Encik Ahmad Zulqarnain merupakan Timbalan Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). Beliau dilantik sebagai salah seorang daripada dua Timbalan Pengarah Urusan pada tahun 2018 dan bertanggungjawab ke atas Pelaburan Strategik serta pengurusan pegangan strategik Khazanah dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Selain itu, beliau juga mengetuai pasukan Strategi Korporat di Khazanah. Encik Ahmad Zulqarnain mempunyai pengalaman lebih 23 tahun dalam sektor perkhidmatan kewangan serta korporat.

Berdasarkan semua keperluan yang telah ditetapkan, PNB telah menerima kesemua kelulusan yang diperlukan bagi pelantikan PGCE yang baharu, termasuk di peringkat Yayasan Pelaburan Bumiputra, Lembaga Pengarah PNB dan juga daripada pihak badan kawal selia.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah PNB mengalu-alukan Encik Ahmad Zulqarnain sebagai sebahagian daripada pasukan yang akan memacu PNB menjadi sebuah institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia.

*-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB)**